

SUBTEKS DALAM FILEM *PREBET SAPU* (2020)

Muhammad Amirul Aiman bin Ahmad Yusoff
Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA
Email: mynickaiman@gmail.com

Siti Zubaidah binti Raja Mhd Shahnuddin
Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA
Email: zubaidah6881@uitm.edu.my

ABSTRAK

Filem *Prebet Sapu* (2020) oleh Muzzamer Rahman telah memperoleh kutipan box-office sebanyak RM257 ribu serta terpilih di Anugerah Akademi (Oscar) bagi kategori Filem Cereka Antarabangsa Terbaik. Menurut Allan Northern (2019), subteks dalam lakon layar mengacu pada makna tersembunyi atau pesan yang disampaikan melalui cerita, watak, dialog, dan adegan dalam sebuah karya filem atau televisyen. Pelbagai unsur subteks yang digambarkan dalam filem yang mampu menghasilkan kesan emosi terhadap penonton kerana kaya dengan penggunaan teknik sinematografi. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka subteks dalam filem *Prebet Sapu* (2020) dan menganalisis subteks yang terkandung dalam filem *Prebet Sapu* (2020) menerusi teori semiotik Roland Barthes (1980). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara analisis tekstual. Dapatan kajian merungkai subteks dalam penceritaan seperti perwatakan, dialog dan visual dalam filem tersebut yang sarat dengan makna tersirat mengenai isu kehidupan seharian rakyat Malaysia di kota. Kajian ini mampu untuk membuka ruang kepada penyelidik akan datang bagi mengkaji dan memahami subteks yang terdapat dalam filem Melayu yang diterbitkan di Malaysia.

Kata kunci: subteks, makna tersirat, filem.

1. Pengenalan

Istilah subteks berasal dari kata *subtext* dalam bahasa Inggeris dan telah wujud sejak zaman dahulu lagi dalam bentuk karya sastera dan filem. Menurut Film Courage (2015), istilah ini digunakan untuk merujuk kepada mesej tersembunyi atau makna tersirat dalam karya sastera atau filem, yang tidak diungkapkan secara langsung melalui dialog atau penceritaan. Menurut Pernot (2021), istilah subteks ini julung kalinya digunakan dalam kritikan sastera pada abad ke-20 dan menjadi popular digunakan pada tahun 1920-an dan 1930-an, apabila pengkritik sastera mula memberi perhatian yang lebih kepada aspek psikologi dan falsafah karya sastera.

Dalam era moden, subteks telah menjadi semakin penting dalam filem, televisyen, dan teater. Dalam konteks ini, subteks sering merujuk kepada mesej tersembunyi atau makna tersirat dalam adegan atau dialog yang tidak dinyatakan secara langsung oleh watak. Menurut pandangan Film Courage (2022), mengatakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, subteks juga telah menjadi topik perbincangan penting tentang perwakilan dalam media. Tambahannya, sesetengah melihat subteks sebagai cara untuk mempamerkan kepelbagaian dan menggalakkan pemikiran kritis, manakala yang lain mengkritik penggunaannya sebagai memberi kesan negatif jika mesej tersembunyi tidak dibaca atau difahami dengan betul.

Subteks boleh ditakrifkan sebagai makna asas yang tersirat tetapi tidak dinyatakan secara langsung. Berdasarkan pandangan Murphy (2007), mentakrifkan bahawa subteks ini adalah terma yang digunakan menerusi karya sastera dan filem untuk menggambarkan maksud dramatik di sebalik bahasa teks. Menurut Auni Ismail *et al.* (2017), mengatakan sesuatu yang menggambarkan teks

semestinya boleh dilihat dengan mata kasar seseorang, sementara gambaran subteks itu mesti dirasa dan dilihat melalui mata hati merujuk kepada tingkat ilmu pengetahuan dan penghayatan pembaca atau penonton yang melihat sebuah filem. Subteks juga boleh dikategorikan kepada dua kefahaman yang berbeza, iaitu subteks dalam sastera dan subteks dalam lakon layar. Menurut Pernot (2021), subteks merujuk kepada tema atau isu yang dibincangkan dalam karya sastera yang lebih spesifik daripada tema utama atau plot. Ia membantu membentuk dan mengembangkan tema utama dengan memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang isu tertentu yang dikupas dalam karya sastera tersebut. Manakala berdasarkan Northern (2019), mendefinisikan subteks dalam lakon layar mengacu pada makna tersembunyi atau pesan yang disampaikan melalui cerita, watak, dialog, dan adegan dalam sebuah karya filem atau televisyen. Subteks dapat menyampaikan tema-tema yang lebih dalam atau kompleks, seperti politik, sosial, atau psikologi, yang tidak selalu jelas atau langsung diungkapkan dalam naskah atau plot utama.

Subteks ini sebenarnya banyak bermain dengan idea dan emosi berbanding daripada bahasa teks. Walaupun teks sebenar pada awalnya penting dalam menarik minat penonton untuk melihat sebuah filem, namun begitu peranan subteks dalam menggerakkan sebuah jalan cerita sangat besar kerana boleh membawa penonton mendalami istilah konotasi menerusi lambang atau pun simbol semiotik. Kenyataan ini disokong oleh Adam Mohd Sallehuddin dan Nasir Baharuddin (2013), menjelaskan bahawa untuk seseorang memahami imej atau perwakilan karya seni, ia mesti dimulakan dengan idea untuk penerangan sesuatu tanda. Kewujudan tanda ini sebenarnya adalah sesuatu yang nyata supaya dapat difahami oleh penonton agar tidak berlaku salah faham yang sepatutnya melalui proses tafsiran. Perbincangan ini dikuatkan lagi oleh Mana Sikana (2001), mengatakan proses interpretasi ini saling berkaitan dengan subteks yang akan menghasilkan kefahaman tentang karya seni dan akan memudahkan apabila dibuat pertimbangan setiap maksud disampaikan oleh pengkarya.

Subteks ini juga sering dihubungkan dengan ilmu semantik kerana tergolong dalam bidang linguistik yang mengkaji makna. Dalam analisis semantik, subteks sangat penting kerana konteks mempengaruhi cara bahasa digunakan dan makna yang terkandung dalam teks. Subteks boleh membantu menjelaskan atau mengembangkan makna perkataan atau frasa tertentu dan boleh mempengaruhi tafsiran keseluruhan teks. Untuk memahami sepenuhnya makna teks, analisis semantik mesti mempertimbangkan subteks dan bagaimana konteks mempengaruhi makna bahasa yang digunakan dalam teks. Oleh itu, hubungan antara subteks dan semantik adalah berkait rapat dan saling melengkapi dalam analisis bahasa dan makna.

Semiotik secara amnya dikenali sebagai makna yang berasal daripada perkataan Yunani, iaitu Semeion yang bermaksud tanda. Menurut Mana Sikana (2001), mengatakan semiotik merupakan bidang kajian yang menganalisis tanda atau simbol sebagai bahagian penting dalam kehidupan, komunikasi dan kebudayaan. Namun begitu, istilah yang digunakan ini telah lama berkembang sejak dahulu, iaitu zaman kebangkitan teori dan falsafah dari Aristotle dan Plato. Selain itu, menurut Al Fiatur Rohmaniah (2021), memberikan lima ciri-ciri dari semiotik. Pertama, tanda mesti boleh diperhatikan untuk berfungsi sebagai tanda. Kedua, tanda mesti boleh ditangkap adalah keperluan mutlak. Ketiga, merujuk kepada sesuatu yang lain. Keempat, tanda mempunyai sifat perwakilan dan sifat ingin mempunyai hubungan langsung dengan sifat tafsiran. Kelima, sesuatu hanya boleh menjadi tanda berdasarkan satu atau yang lain. Kewujudan teori ini menjadi simbol tamadun bangsa ketika itu. Kini, banyak teori-teori semiotik yang diperkenalkan. Antaranya seperti Charles Sanders Peirce, Ferdinand De Saussure, Roland Barthes dan sebagainya. Teori yang paling banyak dilakukan oleh ramai pengkaji menerusi tiga teori besar utama, iaitu Charles Sanders Peirce, Ferdinand De Saussure dan Roland Barthes. Hasil penelitian dari pembacaan pengkaji, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa

semiotik ini merupakan ilmu tanda yang menyampaikan informasi dan makna serta bersifat komunikatif. Simbol juga merupakan representasi benda lain yang boleh dibayangkan atau difikirkan. Penggunaan teori semiotik Roland Barthes (1980) saling berkait rapat dengan tajuk *Prebet Sapu* itu sendiri. Penggunaan tajuk *Prebet Sapu* sendiri menunjukkan satu gambaran yang luas kepada cerita. Pelbagai visual yang telah ditonjolkan terhadap tajuk filem ini sendiri. Jika diteliti dari mula hingga akhir cerita, tajuk filem ini membawa maksud dan tujuannya untuk disampaikan. Metafora bagi *Prebet Sapu* merujuk kepada luahan suara rakyat marhaen mengenai perkerjaan di tanah air lebih didominasi oleh warga asing. Kenyataan ini disokong oleh Hans Hanis (2021), mengatakan rakyat marhaen tanah air ini sering mengeluh kisah mengenai nasib mereka yang dihimpit desakan ekonomi menyebabkan banyak lonjakan harga barang, manakala warga asing bermaharajalela datang bekerja di sini dan mereka melihat negara ini umpama kawasan emas dan buah buai mereka. Jelaslah di sini bahawa gagasan yang digunakan Roland Barthes (1980) sarat dengan *Two Order of Signification* dalam filem ini. Buktinya, menurut Al Fiatur Rohmaniah (2021), *Two Order of Signification* meliputi tafsiran denotasi, iaitu tingkat penandaan yang merungkaikan hubungan antara penanda dan petanda yang mewujudkan tafsiran eksplisit dan tafsiran konotasi, iaitu memperlihatkan interaksi yang berlaku sewaktu berhubung dengan emosi atau perasaan dari pembaca.

Status industri perfileman di tanah air semakin berkembang dan telah memperoleh dukungan daripada masyarakat. Filem yang diwujudkan oleh pengarah tempatan kini sudah mendapat tempat di muka dunia. Namun begitu, pengkaji akan mengemukakan permasalahan yang wujud menerusi kajian bagaimana filem lokal ini mampu membuka mata dan stigma pemikiran masyarakat di Malaysia berbanding dengan lambakan filem dari luar diketahui kehebatannya tidak dapat disangkal lagi. Secara umumnya, filem *Prebet Sapu* (2020) ini merupakan filem terbaik tempatan selepas filem *Roh* (2019). Hal ini dapat dibuktikan oleh Budiey (2022), mengatakan *Prebet Sapu* telah dicalonkan dalam Golden Globe Awards (MGGA) 2022 dan berjaya mendapat anugerah kategori Lakon Layar Terbaik dimenangi oleh Muzammer Rahman. Menurut Pure Pixels (2021), mengatakan *Prebet Sapu* (2020) ini kaya dengan penggunaan teknik sinematografi mampu menghasilkan kesan emosi terhadap penonton apabila menyaksikan filem tersebut. Selain itu, menurut Hans Hanis (2021), mengatakan filem ini secara keseluruhannya sangat berkualiti kerana bersifat sinematik mengagumkan, lakonan aktor yang mantap, penggunaan subteks yang kreatif dalam setiap babak dan membawa tafsiran *black & white* mewakili sudut pandangan watak utama.

Walau bagaimanapun, pengkaji terdahulu kurang menyentuh tentang penggunaan subteks dalam sebuah filem dan sejauh mana keberkesanan subteks ini dalam mempengaruhi emosi dan pemikiran penonton. Kajian yang lepas terlalu memfokuskan kepada analisis kritikan sosial dalam filem, iaitu satu bentuk komunikasi dalam masyarakat yang objektifnya adalah untuk mengawal jalan cerita sesuatu sistem atau proses sosial. Ini berbeza dengan subteks yang lebih berfokuskan bahasa di sebalik teks dalam karya seni, sama ada karya sastera, filem atau lukisan supaya boleh mentafsir makna yang ingin disampaikan.

Pengkaji telah memfokuskan kepada dua tujuan utama kajian, iaitu meneroka subteks dalam filem *Prebet Sapu* (2020) dan menganalisis subteks yang terkandung dalam filem *Prebet Sapu* (2020) dapat dijelaskan secara konotatif menerusi teori Semiotik Roland Barthes. Menerusi kajian yang dijalankan ini, diharap pengkaji dapat memberi sumber maklumat mengenai konsep subteks dalam sesuatu karya seni khususnya filem. Walaupun kategori semiotik terdiri daripada banyak jenis, tetapi penggunaan teori semiotik Roland Barthes (1980) ini amat dekat dengan pengkaji dalam menganalisis dapatan kajian ini. Kaedah ini akan digunakan bagi membolehkan penonton berinteraksi dengan filem dalam mentafsir lapisan sebuah makna denotasi dan konotasi. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan subteks bagi filem *Prebet Sapu* (2020) agak sukar untuk ditafsir dan menyebabkan

segelintir penonton tertumpu dengan gagasan dan persoalan yang dibawakan filem ini. Dengan istilah lain, penonton akan berasa senang dengan pengalaman melihat sesuatu filem andai dicabar untuk berfikir dan memberi pandangan mengenai mesej yang hendak diberikan. Bukan itu sahaja, dapatan kajian ini dapat menjadi sumber panduan kajian lepas kepada pengkaji yang ingin mengkaji subteks untuk menerokai perkara tersirat.

Menerusi skop kajian yang dikaji, pengkaji akan menghadkan kajian berdasarkan kepada subteks dalam filem *Prebet Sapu* (2020). Subteks yang akan dikaji terkandung dalam filem ini adalah melalui dialog dan visual. Kajian ini juga hanya tertumpu kepada penggunaan teori semiotik oleh Roland Barthes (1980) yang melihat dari aspek denotasi dan konotasi.

2. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan secara kualitatif ini menggunakan kaedah analisis tekstual. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji perlu banyak meneliti dan memahami subteks yang terkandung dalam filem *Prebet Sapu* (2020) dari aspek konotasi melalui teori semiotik Roland Barthes. Roland Barthes (1980) merupakan penyambung tokoh semiotik kepada Ferdinand De Saussure dengan mengkaji hubungan penanda dan penanda pada sebuah tanda. Menerusi teorinya beliau mengembangkan menjadi dua tingkat penandaan. Dua tingkat penandaan seperti denotasi dan konotasi. Barthes juga melihat dari aspek lain dari pertandaan, Menurut Griffin (2012), mengatakan gagasan yang diperkenalkan oleh Roland Barthes (1980) adalah dengan *Two Order of Signification* membawa makna denotasi (tersirat) yang membuahkan makna eksplisit, secara langsung atau makna sebenarnya mengikut seperti dalam kamus. Manakala makna konotasi (tersirat) pula ialah menggambarkan interaksi berlaku apabila tanda bertemu dengan perasaan atau emosi pembaca serta nilai-nilai yang lahir daripada pengalaman budaya dan peribadi. Barthes tidak terhad kepada memahami proses pemarkahan, bahkan juga melihat aspek lain penandaan, iaitu mitos yang menandakan sesebuah masyarakat. Perspektif Barthes terhadap mitos ini menjadi salah satu ciri semiologi beliau yang membuka alam semiologi baru, iaitu penggalian melampaui makna untuk mencapai mitos yang berfungsi dalam realiti seharian.

3. Analisis Subteks Filem *Prebet Sapu* (2020)

Penggunaan tajuk '*Prebet Sapu*' itu sendiri memberikan satu gambaran yang besar terhadap cerita. Banyak gambaran yang telah diberikan terhadap tajuk filem ini sendiri. Jika diteliti dari awal hingga akhir cerita, tajuk filem ini memaparkan tujuan dan maksudnya yang ingin disampaikan. Metafora '*Prebet Sapu*' merujuk kepada seseorang atau kumpulan orang yang melakukan tindakan atau serangan dengan cepat dan cekap, sama seperti cara seorang askar bertindak di medan perang. Frasa ini boleh digunakan untuk menggambarkan seseorang yang mempunyai kelajuan, ketepatan dan keberkesanan dalam menyelesaikan tugas atau mencapai matlamat.

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk ambil perhatian bahawa '*Prebet Sapu*' juga sering dikaitkan dengan konotasi negatif. Dalam sesetengah situasi, frasa ini boleh merujuk kepada perbuatan atau tingkah laku yang tidak adil atau kesat, di mana seseorang atau sekumpulan orang mengambil kesempatan yang tidak adil atau merampas sesuatu dengan cepat tanpa mengambil kira akibatnya. Dalam konteks ini, '*Prebet Sapu*' boleh dianggap sebagai tindakan yang tidak beretika atau tidak bermaruah. Hal ini boleh dikaitkan kepada sikap negatif yang dilakukan oleh Aman untuk mendapatkan kerja demi sesuap nasi secara pantas iaitu, terlibat dalam aktiviti menyediakan perkhidmatan *e-hailing* secara haram kerana mengalami kekangan ekonomi sara diri dan menyebabkan dia dihalau keluar dari bilik sewa. Sekali lagi, makna sebenar '*Prebet Sapu*' sangat

bergantung pada konteks dan penggunaan kerana adalah penting untuk memahami konteks dan mempertimbangkan penggunaan yang sesuai untuk mengelakkan salah faham.

Subteks yang telah digunakan oleh pengarah filem ini, Muzzamer Rahman untuk menghantar mesej-mesej melalui tema perbezaan tidak sahaja dihadkan kepada perwatakan, tetapi juga latar masyarakat seperti masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa di Malaysia, iaitu Melayu dan Cina. Isu mengenai kumpulan etnik dan hubungan sesama kaum di Malaysia juga telah berjaya disampaikan dengan cukup menarik dan cukup berani dalam filem *Prebet Sapu* (2020) ini. Frasa dialog seperti, "*Melayu bantu Melayu*", "*Saya benci Melayu*", "*Melayu dan Cina tidak boleh berkawan?*" dan "*Melayu halau Cina balik Tongsan*" sememangnya ungkapan yang biasa di dengar di luar tetapi mungkin kali pertama masyarakat mendengarnya dan boleh melihatnya secara visual.

Kajian ini melihat sebagai pembuka jalan kepada rakyat Malaysia untuk sama-sama mencari jalan positif bagi masing-masing lebih memahami, bertolak ansur dan mempunyai pemahaman yang lebih baik yang menjadikan Malaysia bebas daripada perkara perkauman. Jadi, masyarakat amat menghargai keberanian filem ini yang berani menyuarakan suara hati rakyat Malaysia didedahkan kepada umum. Namun begitu, ada satu babak dalam filem ini yang mengaitkan sudut ini, memaparkan satu sisi jenaka yang berjaya mencuit hati kita, iaitu tentang 'perpaduan' orang Melayu dan Cina di kedai ekor nombor. Ini adalah satu adegan serampang dua mata kreatif yang menarik perhatian dihasilkan oleh pengarah.

Menurut Auni Ismail *et al.* (2014), menyatakan bahawa subteks dalam filem dapat disampaikan melalui dialog, peristiwa, simbol, dan latar belakang. Menurutnya lagi, subteks juga dapat dilihat melalui konflik yang dihadapi oleh watak-watak dalam filem dan percaya bahawa karya yang baik kebanyakannya datang dari pengalaman hidup pengarang itu sendiri. Isi filem sering kali diinspirasi oleh fenomena dan kejadian yang berlaku di sekitar kita. Proses pemahaman subteks dalam filem melibatkan penonton yang menonton filem tersebut dan kemudian menginterpretasikannya melalui penulisan. Pemahaman subteks ini melibatkan pemahaman yang kompleks terhadap budaya, tempat, masa, masyarakat, politik, undang-undang, dan aspek spiritual yang dibincangkan dalam filem. Dalam kajian ini, penulis menganggap subteks sebagai elemen yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah filem, kerana subteks mampu membuat penonton merasa dekat dengan subjek dan persoalan yang dialami oleh tokoh utama dalam filem tersebut.

Jadual 1: Subteks melalui visual

No.	Visual	Minit
1.	Mesin basuh di dobi sedang berputar.	39:02
2.	Hubungan antara bangsa Melayu dan Cina.	57:45
3.	Cahaya putih.	1:20:45
4.	Rumah flat.	3:03
5.	Rumah flat yang persekitarannya sungguh kotor.	54:24
6.	Aman membersihkan setiap sudut rumah Bella.	55:64
7.	Sekumpulan warga asing di tengah kota raya.	21:37
8.	Aman membawa dua orang penumpang warga asing.	1:01:17
9.	Orang berkempen sambil membawa motosikal dan memegang bendera.	21:11
10.	Kain selendang bercorakkan bunga raya.	8:41

Menerusi filem *Prebet Sapu* (2020), subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 39:02. Visual ini telah menunjukkan **mesin basuh di dobi sedang berputar**. Subteks menunjukkan bahawa ini adalah simbol kepada proses perubahan transformasi. Mesin basuh berputar menggambarkan kitaran hayat individu, di mana pakaian kotor akan dimasukkan dan keluar sebagai pakaian bersih. Ini boleh dikaitkan dengan konsep perubahan, pertumbuhan, dan penyucian dalam kehidupan manusia. Kenyataan ini disokong oleh Razinah Sohor dan Nazlinda Ismail (t.t.), menyebut transformasi merupakan satu aturan dalam hidup dan merupakan komponen paling penting apabila kita ingin mencapai sesuatu kemajuan. Oleh hal yang demikian, kehidupan Aman yang berani berhijrah dari tempat asalnya, Pahang untuk mencari rezeki bagi menampung keperluannya di Kuala Lumpur merupakan salah satu transformasi diri boleh dijadikan teladan buat penonton.

Kedua, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 57:45. Visual ini telah menunjukkan **hubungan antara bangsa Melayu dan Cina**. Secara amnya, Malaysia dikenali dengan keunikan masyarakat majmuk yang hidup harmoni terdiri daripada Melayu, Cina, India dan rakyat peribumi. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh Aemy Elyani Mat Zain (2018), mengatakan sejak mengecapi kemerdekaan yang hampir 60 tahun, Malaysia telah dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk bukan sahaja berbeza dari sudut bahasa tetapi juga agama dan etnik. Ini menunjukkan sifat kemajmukan antara rakyat Malaysia telah muncul bertahun lamanya. Hubungan Aman dan Bella ini sebenarnya mencerminkan erti keharmonian, persaudaraan, dan kerjasama walaupun mereka secara kasar dilihat memang berlainan bangsa dan agama. Selaras dengan logo Malaysia MADANI (2023) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Anwar Ibrahim, berwarna biru telah mewakili 'kesatuan nasional, keterangkuman dan persaudaraan. Visual ini menekankan kepada penonton tentang kepentingan saling menghormati dan memahami perbezaan budaya, serta menggalakkan perpaduan dan kesatuan dalam masyarakat berbilang budaya.

Ketiga, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 1:20:45. Visual ini telah menunjukkan **cahaya putih**. Cahaya putih sebenarnya melambangkan kesucian, kejelasan, dan pembebasan. Cahaya putih sering digunakan untuk mewakili kuasa positif atau kebenaran yang menerangi kegelapan. Menurut M. Fazmi Hisham dan Zairul Anuar Md. Dawam (2019), menyatakan dalam konteks filem, cahaya putih boleh mewakili kehadiran rohani, kebijaksanaan, atau pencerahan yang mengubah kehidupan watak dalam cerita. Jika diteliti dengan mendalam, penonton dapat mengetahui cahaya putih itu ada saling berkait dengan adegan sebelumnya. Kesilapan yang telah dilakukan oleh Aman dan Bella sebelum ini telah membuka mata mereka untuk membina kehidupan yang baru. Walaupun Bella kecewa dengan dirinya kerana telah mengandungkan anak luar nikah, namun Aman tetap bertanggungjawab dan memberi semangat untuk terus berada di sisi Bella sebagai tanda kasihnya.

Keempat, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 3:03. Visual ini telah menunjukkan **rumah flat**. Rumah pangsapuri sering menjadi pilihan bagi mereka yang mempunyai batasan ekonomi. Menurut Khazanah Research Institute (2023), penyediaan perumahan sosial oleh kerajaan dianggap sebagai penyelesaian untuk menangani pembedaan pesat, kemiskinan dan ketidakmampuan yang meningkat. Kini, isu kenaikan OPR telah hangat diperkatakan sehingga menjadi bualan masyarakat. Menurut Teon (2023), OPR terkini ialah 3.00% selepas diumumkan naik 25 mata asas oleh Bank Negara Malaysia. Untuk rekod, ini merupakan kenaikan kali kelima sejak Mei 2022. Pada Mei tahun lalu, kadar OPR naik 2.0%, diikuti Julai 2.25%, September naik kepada 2.50% dan November kepada 2.75%. Katanya lagi, kenaikan OPR hanya menguntungkan individu berduit jika mereka simpan akan mendapat kadar faedah lebih tinggi. Turut untung bank-bank yang mampu menarik deposit pelabur luar negara untuk menyimpan dana mereka di institusi kewangan negara ini. Bagi rakyat kumpulan sederhana dan ke bawah, mereka bukan sahaja tiada duit untuk disimpan tetapi menjadi kelam-kabut sebaik pengumuman OPR naik lagi. Terus terlintas bagaimana ingin membayar ansuran semua jenis

pinjaman. Bukan itu sahaja, rumah flat boleh melambangkan kepelbagaian sosial dan budaya. Oleh kerana kawasan kejiranan padat dengan penduduk, penghuni di situ selalunya datang daripada pelbagai latar belakang dan etnik. Ini mencerminkan kepelbagaian sosial yang wujud dalam masyarakat bandar.

Kelima, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 54:24. Visual ini telah menunjukkan **rumah flat yang persekitarannya sungguh kotor**. Isu ini masih segar untuk dikatakan kerana sesetengah masyarakat kini yang masih lagi tidak mahu bertanggungjawab atas kebersihan disekelilingnya. Menerusi Buletin TV3 (2023), menyatakan baru-baru ini Sultan Johor menzahirkan rasa kekecewaan terhadap keadaan bangunan penyelenggaraan serta tahap kebersihan flat-flat kos rendah di negeri kediamannya. Bukan itu sahaja, baginda juga bertitah kebanyakan kediaman itu dalam keadaan dhaif serta dipenuhi sampah sarap yang merata-rata. Kebanyakan penduduk rumah 'sarang burung' ini terdiri daripada penduduk B40. Bukti ini dapat disokong melalui Khazanah Institute (2023), penyediaan perumahan sosial oleh kerajaan dianggap sebagai penyelesaian bagi menangani pembedaan pesat, kemiskinan dan ketidakmampuan yang bertingkat. Ini telah memberi satu gambaran oleh penonton mengenai kritikan sosial kepada mereka yang tidak berada bahawa jika anda tidak kaya sekali pun, ini bukan tiket untuk anda menjadi malas dan pengotor. Hal ini memang terjadi di Malaysia dan sinonim dengan sikap penduduk tempatan sendiri.

Keenam, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 55:64. Visual ini telah menunjukkan **Amanmembersihkan setiap sudut rumah Bella**. Menurut Zanariah Abd Mutalib (2019), menyatakan Tun Dr Mahathir Mohamad sering kali mengingatkan rakyat supaya mencontohi Jepun, tidak kira dari segi kemajuan, nilai diri dan sikap. Salah satu sikap rakyat Jepun itu adalah sentiasa mengamalkan kebersihan. Namun begitu, sikap masyarakat Malaysia masih lagi tidak seiring status maju negara. Untuk merealisasikan hasrat untuk menjadi seperti negara Jepun sebenarnya tidak sukar sekiranya setiap individu mampu mendisiplinkan diri untuk berubah. Melalui visual ini, secara tidak langsung berjaya menyindir mereka yang bersikap begini agar berubah dan tinggalkan budaya lama untuk terus maju seperti negara Timur. Walaupun perubahan yang dilakukan sedikit demi sedikit, lama-kelamaan sebenarnya akan mendorong penonton untuk lebih prihatin terhadap kebersihan alam sekitar dan persekitarannya.

Ketujuh, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 21:37. Visual ini telah menunjukkan **sekumpulan warga asing di tengah kota raya**. Menurut 2.1 juta pekerja asing di Malaysia sehingga Jun tahun ini (2022), Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan seramai 2.1 juta warga asing yang bekerja dalam pelbagai bidang, berada di Malaysia setakat Jun tahun ini. Amat mengejutkan apabila lambakan warga asing ini telah berjaya mengalahkan jumlah penduduk masyarakat India dengan seramai 2.0 juta orang mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia. Disebabkan negara memerlukan seramai 15% daripada jumlah tenaga, ramai rakyat asing sedang mengambil kesempatan untuk menguasai sektor pekerjaan di Malaysia berbanding rakyat sendiri kerana rakyat asing memandang negara ini sebagai kawasan emas dan berkat buat mereka. Hal ini terjadi akibat kekurangan tenaga kerja lokal, tingkat upah yang rendah, ketergantungan pada industri tertentu, dasar imigresen dan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan.

Kelapan, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 1:01:17. Visual ini telah menunjukkan **Aman membawa dua orang penumpang warga asing**. Isu pendatang haram atau migrasi asing ini bukan benda baharu apabila ia sudah menjadi perhatian sejak empat dekad lalu. Namun begitu, isu kecil ini akhirnya membusung hingga sukar lagi untuk dibendung. Menurut Mohd Jamilul Anbia Md Denin (2022), menyatakan kenyataan terkini dari Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan mahu menerima kemasukan 500,000 pekerja asing dari Bangladesh secara berperingkat mulai bulan ini

pastinya akan menambah lagi jumlah 'abang bangla' di Malaysia. Sedikit demi sedikit negara dijajah dan dijarah baik dari segi budaya, ekonomi serta corak hidup sosial. Relatifnya, gambaran diberikan tentang Malaysia sebagai 'syurga dunia' menjanjikan banyak peluang pekerjaan dan kadar bayaran upah tinggi menyebabkan kian banyak tekong haram membawa masuk mereka ini ke Malaysia. Selain itu, mereka akan menokok sejumlah 326,669 rakyat Bangladesh sedia ada yang bekerja di Malaysia dengan jumlah di sektor perkilangan dan sektor pembinaan sehingga angka hampir 1 juta pekerja asing Bangladesh bekerja di Malaysia kelak belum mengambil komposisi jumlah pekerja asing Indonesia, Nepal, Filipina, India, Myanmar, China dan Pakistan sedia ada. Warga asing menyukai negara kita kerana melihat keindahan dan kemajuan kotanya tetapi orang tempatan lebih mengenali negara sendiri kerana melihat di sebalik tabirnya. Walau bagaimanapun, penduduk tempatan mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang negara mereka sendiri mengenai kerumitan dan realiti yang mungkin tidak dapat dilihat oleh mata orang luar. Mereka lebih mengetahui sejarah, budaya dan orangnya. Mereka juga mungkin menyedari cabaran dan masalah yang wujud di negara mereka, seperti ketidaksamaan sosial, politik, atau isu alam sekitar. Dalam konteks ini, simbolnya ialah persepsi orang luar terhadap negara ini mungkin lebih idealistik dan terhad kepada imej yang dipersembahkan secara visual. Sementara itu, masyarakat tempatan mempunyai pemahaman yang lebih komprehensif dan kompleks tentang negara mereka, kerana mereka mengalami kehidupan seharian secara langsung dan terlibat dalam pelbagai aspek masyarakat.

Kesembilan, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 21:11. Visual ini telah menunjukkan **orang berkempen sambil membawa motosikal dan memegang bendera**. Hal ini dikatakan demikian kerana berkemungkinan boleh ditafsirkan bergantung kepada konteks budaya, politik dan sosial di mana kempen itu berlangsung. Antaranya sokongan untuk calon politik. Dalam konteks kempen politik, penggunaan motosikal dan bendera boleh menandakan sokongan kepada calon politik atau parti politik tertentu. Orang yang terlibat dalam tindakan ini mungkin ingin menunjukkan kesetiaan mereka kepada pemimpin atau ideologi tertentu. Selain itu, perjuangan atau tuntutan. Orang ramai boleh menggunakan simbol ini untuk menyerlahkan isu tertentu atau menyatakan tuntutan mereka kepada kerajaan atau masyarakat. Tindakan sedemikian boleh menjadi satu bentuk protes, perjuangan, atau aspirasi untuk perubahan sosial, ekonomi, atau politik. Namun begitu, sesuai dengan era kini untuk berkempen boleh juga disebarikan melalui aplikasi media sosial seperti TikTok, WhatsApp, Facebook dan sebagainya. Menurut Mohamed Syafiq Ayub (2022), mengatakan kini golongan ahli politik telah mengubah cara untuk berpindah kepada aplikasi TikTok bagi membina pengaruhnya sendiri. Kenyataan ini disokong Johardy Ibrahim (2022), menyatakan sehingga awal 2022 statistik penggunaan TikTok di Malaysia dapat dikenal pasti terdapat hampir seramai 17 juta orang dan data ini telah mencapai 48.23% populasi penggunanya berdasarkan potensi jangkauan setiap pengiklanan TikTok untuk pengguna berumur 18 tahun ke atas. Justeru, TikTok ini dijangka menjadi pelantar pilihan kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) bersama aplikasi WhatsApp yang sudah digunakan meluas ketika kempen PRU14. Kini, PRU15 bagi sebahagian penganalisis dijangka menjadi pilihan raya TikTok apabila media sosial berkonsepkan video pendek dan penerangan ringkas digunakan secara meluas semua parti politik. Walaupun terdapat banyak manfaat kepada pengguna khususnya generasi muda, pihak berwajib perlu peka dengan sebarang penyalahgunaan medium itu dalam kalangan orang politik kerana boleh menimbulkan kekeliruan yang boleh menimbulkan keancaman.

Kesepuluh, subteks dilihat pada visual, iaitu pada minit ke 8:41. Visual ini telah menunjukkan **kain selendang bercorakkan bunga raya**. Kesedihan mungkin reaksi biasa, sama apabila seseorang mengalami kehilangan orang yang mereka sayangi, terutamanya apabila mereka kehilangan kematian ibu mereka. Rasa kehilangan ini adalah situasi sebenar dan berpotensi yang semua orang di dunia ini boleh alami apabila berpisah dengan seseorang yang sebelum ini wujud menjadi tiada apa-apa.

Keseluruhan perasaan kehilangan memberi impak yang besar kepada emosi penonton sehingga memerlukan cara melalui 'seni' untuk mengurangkan perasaan sedih dan rindu kepada ibu dalam kehidupan seharian sebagai terapi. Hal ini dikatakan demikian kerana merupakan simbolik kepada rasa rindu dan sayang Aman terhadap arwah ibunya sebelum dia berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari kerja. Aman membawa kain selendang itu ke mana sahaja supaya dia kuat menjalani kehidupan baharu sebagai seorang perantau.

4. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, berdasarkan kajian ini, subteks dapat dilihat melalui visual seterusnya dikaitkan dengan teori semiotik Roland Barthes (1980). Melalui kajian analisis ini, pengarah filem begitu kritis bermain dengan isu segar yang masih relevan hingga kini ketika proses pembikinan filem *Prebet Sapu* (2020). Jelaslah bahawa subteks filem ini merupakan satu elemen yang penting dalam pembikinan filem kerana ia mencabar audiens untuk memikirkan mesej yang ingin disampaikan. Pemaparan falsafah umum melalui subteks yang bersesuaian dengan pelbagai kehidupan masyarakat menguatkan naratif keseluruhan filem.

5. Rujukan

- Abdul Halim Ramli. (2010). Perdebatan antara kaum mengenai isu kerakyatan sebelum merdeka. *Journal of the Department of History*, 8(18), 1-32. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/9220/6529>
- Adam Mohd Sallehuddin, & Nasir Baharuddin. (2013). Analisis pendekatan semiotik terhadap karya “Pembukaan” (2013) oleh Mohd Fuad Arif. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 5(1), 38-46. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2267>
- Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Mohamad Nasirudin, Nazneen Ismail, & Maryam Habibah Kamis. (2018). Mendepani masyarakat majmuk di Malaysia melalui ilmu perbandingan agama: Tinjauan awal. *Jurnal Al-Hikmah*, 10(1), 163-175. <http://journalarticle.ukm.my/13535/>
- Al Fiatur Rohmaniah. (2021). Kajian semiotika Roland Barthes. *Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 2(1), 124-134. <https://ejournal.iaiskjmalang.ac.id/index.php/ittishol/article/view/308>
- Amir Abd Hamid. (1 Februari, 2021). 30,000 isi rumah di KL tergolong miskin bandar [METROTV]. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/670040/30000-isi-rumah-di-kl-tergolong-miskin-bandar-metrotv>
- Andika Aziz Hussin. (t.t.). *Bagaimana menggali dan memahami subteks dalam drama*. [Power Point Slides]. Academia. https://www.academia.edu/42275098/Bagaimana_Menggali_Dan_Memahami_Subteks_Dalam_Drama
- Art In Context. (19 April, 2022). *Types of art – A brief exploration of the different kinds of art*. Art in Context. <https://artincontext.org/types-of-art/>
- Auni Ismail, Zairul Anuar Md. Dawan, & Sim C., C. (2017). Subteks dan kejayaan naratif filem: Analisis filem *The Journey* (2014). *Jurnal Gendang Alam*, 17(1), 116-135. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/1053>
- Budiey. (18 Julai, 2022). *Filem Prebet Sapu menang lakon layar terbaik di MIFFEST 2022*. Budiey Dot Com Media. <https://www.budiey.com/filem-prebet-sapu-menang-lakon-layar-terbaik-di-miffest-2022/>
- Buletin TV3. (2023). *Perumahan rakyat Sultan Ibrahim tegur persekitaran flat kos rendah kotor*. [Video]. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=SXkBE-lakpg>
- Daud. (t.t.). *Untitled*. [Manuskrip tidak diterbitkan]. http://studentsrepo.um.edu.my/2805/5/BAB_2.pdf

- DeGuzman, K. (13 Februari, 2022). *What is an aside - Examples & literary device explained*. Studiobinder. <https://www.studiobinder.com/blog/what-is-an-aside-definition/>
- Ernalisa Othman. (6 Jun, 2022). *Golongan jangan terlalu memilih kerja*. Malaysia Gazette. <https://malaysiagazette.com/2022/06/06/golongan-muda-jangan-terlalu-memilih-kerja/>
- Fahmy A Rosli. (29 September, 2021). 140,608 hilang kerja akibat COVID-19. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870290/140608-hilang-kerja-akibat-covid-19>
- Fajriannoor Fanani. (2013). Semiotika strukturalisme Saussure. *Journal the Messenger*, 15(2), 10-15. <file:///C:/Users/Aiman%20Eusuf/Downloads/149-364-1-PB.pdf>
- Film Courage. (22 Disember, 2015). *Subtext in a screenplay is dialogue plus action by William C. Martell*. [Video]. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=Mf5n9SuRebM>
- Film Courage. (14 November, 2022). *Every scene you write has subtext by Judith Weston*. [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=EBbR_WYpeVc
- Griffin, E. (2012). *A First Look at Communication Theory (8th Ed)*. McGraw-Hill.
- Hans Hanis. (9 Disember, 2021). *Review filem Prebet Sabu*. Rollo De Pelicula. <https://www.rollodepelicula.com/2021/12/review-filem-prebet-sapu.html>
- Industrial Scripts. (1 Februari, 2023). *Writing subtext: What are the different forms of subtext?* Industrial Script. <https://industrialscripts.com/writing-subtext/#:~:text=There%20are%20four%20primary%20forms,%2C%20dialogue%2C%20actions%20and%20imagery>
- Ismaliza Ishak. (2015). *Percaya dan merasai kebenaran (PDMK): Strategi kaedah lakonan dalam monodrama dan monolog*. [Manuskrip tidak diterbitkan]. <http://eprints.usm.my/30113/>
- Johardy Ibrahim. (24 April, 2022). 17 juta peniaga TikTok di Malaysia, peluang anda berniaga. *DagangNews.com*. <https://dagangnews.com/article/17-juta-pengguna-tiktok-di-malaysia-peluang-anda-berniaga-14927>
- Juani Munir Abu Bakar. (28 Mac, 2021). Rakyat Malaysia memilih kerja? *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/rakyat-malaysia-memilih-kerja/>
- Khazanah Research Institute. (2023). *Kesejahteraan kediaman golongan miskin bandar kajian program perumahan rakyat (PPR)*. Krinstitute.org. https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Laporan%20KRI_Kesejahteraan%20Kediaman%20Golongan%20Miskin%20Bandar.pdf
- Kull, K., & Maran, T. (2013). Journals of semiotics in the world. *Jurnal Sign System Studies*, 41(1), 140-145. https://www.researchgate.net/publication/275516730_Journals_of_semiotics_in_the_world
- M. Fazmi Hisham, & Zairul Anuar Md. Dawam. (2019). Analisis semiotik watak dalam filem Terbaik dari Langit. *Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(5), 124-144. https://www.researchgate.net/publication/335174921_Analisis_Semiotik_Watak_dalam_Fillem_Terbaik_dari_Langit
- Mana Sikana. (2001). Teori semiotik: Tanda bahasa dan wacana sastera. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 202. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8692>
- Mohd Jamilul Anbia Md Denin. (7 April, 2022). Punca Malaysia pilihan warga asing. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/04/829266/punca-malaysia-pilihan-warga-asing>
- Mohamed Syafiq Ayub. (29 Oktober, 2022). TikTok untuk berkempen; pengundi perlu bijak saring data kempen pilihan raya. *Berita Harian Singapura*. <https://www.beritaharian.sg/dunia/pru15-ahli-politik-beralih-ke-tiktok-untuk-berkempen-pengundi-perlu-bijak-saring-data-kempen>
- Northen, A. (6 Disember, 2019). *Subtext in film screenplays*. [Video]. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=ZKZdIToc4UU>

- Noor Enfendi, Noor A'yunni Muhamad, & Syed Alwi Syed Abu Bakar. (2021). Asas apresiasi seni dari perspektif formalistik, rupa dan makna. *Jurnal Gendang Alam*, 11(2), 98-112.
<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/3576>
- OSU Writing, Literature and Film. (2022). "What is a soliloquy?": A literary guide for English students and teachers. [Video]. Youtube.
<https://www.youtube.com/watch?v=4ogkXqh2HaU&t=2s>
- Pernot, L. (2021). *The subtle subtext: Hidden meanings in literature and life*. Penn State University Press. <https://doi.org/10.1515/9780271092065>
- Pure Pixels. (2021). *Prebet Sapu - Movie Review [NON-SPOILER]*. [Video]. Youtube.
https://www.youtube.com/watch?v=SIP8dpT_AI0
- Razinah Sohor, & Nazlinda Ismail. (t.t.). *Transformasi diri*. Jabatan Perkhidmatan Awam.
https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2014/TRANSFORMASI_DIRI.pdf
- Rifa Nadira. (2018). *Roland Barthes' denotation, connotation and myth in the change of four starbucks logo: A study of semiotics*. [Manuskrip tidak diterbitkan].
<http://repository.unsada.ac.id/550/7/References.pdf>
- Semiotics Terminology. (t.t.). *Definitions of semiotic terms*. The University of Vermont.
https://www.uvm.edu/~tstreete/semiotics_and_ads/terminology.html
- Shira. (8 November, 2022). *3 sebab kenapa setiap undi sangat penting untuk masa depan Malaysia*. Oh Bulan. <https://ohbulan.com/3-sebab-kenapa-setiap-undi-sangat-penting-untuk-masa-depan-malaysia>
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2007). Teori semiotik Pierce dan Morris: Satu pengenalan kaedah analisis sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18(2), 157-171.
<file:///C:/Users/Aiman%20Eusuf/Downloads/19606.pdf>
- Teon. (5 Mei, 2023). Rakyat sibuk isu KWSP OPR yang naik. *Utusan Malaysia*.
<https://www.utusan.com.my/commentary/rakyat-sibuk-isu-kwsp-rupanya-opr-yang-naik/>
- Wan Ahmad Wan Omar. (9 Julai, 2018). Umur 18 tahun wajar dapat hak mengundi. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/07/446925/umur-18-tahun-wajar-dapat-hak-mengundi>
- Yan, H., Han, F., An, J., Xiao, W., Zhao, J., & Shen, F. (2021). SASICM a multi-task benchmark for subtext recognition. *Jurnal of Computation and Language*, 1(2), 2-34.
<https://arxiv.org/abs/2106.06944>
- Zanariah Abd Mutalib. (29 Julai, 2019). Sikap masyarakat tak seiring status maju negara. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/amp/rencana/komentar/2019/07/590208/sikap-masyarakat-tak-seiring-status-maju-negara>